



JABATAN KETUA MENTERI  
(UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA),  
TINGKAT 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA,  
PETRA JAYA,  
93502 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon Am : 082-441957  
Kawat : SUK KUCHING  
Faks : 082-445618 (HRM)

**SURAT PEKELILING**  
(Perj. Bil. 10/2007)

**DARIPADA:** Setiausaha Kerajaan, Sarawak      **KEPADA:** Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak

**PERKARA:** Syarat-Syarat Tambahan Bagi Skim Baru Perkhidmatan Pegawai Masjid Negeri Sarawak      **SALINAN KEPADA:** Setiausaha Kewangan Negeri Yang Di-Pertua Majlis Islam Sarawak Akauntan Negeri Sarawak

**RUJUKAN:** 50/EO/3277/Jld. 6

**TARIKH:** 9 MAR 2007

Susulan daripada Surat Pekeliling Perjawatan Bilangan 11/2006 bertarikh 11 Mei 2006, Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberitahu syarat-syarat tambahan bagi Skim Baru Perkhidmatan Pegawai Masjid Negeri Sarawak. Sila rujuk **Lampiran 1**.

2. Syarat-syarat tambahan ini hanya digunapakai untuk Pegawai-Pegawai Masjid Sarawak yang menerima elaun sahaja dan tidak termasuk Pegawai-Pegawai Masjid yang dilantik secara Tetap, Tetap dan Tidak Berpencen atau Sementara.

3. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Mac 2007.

Sekian, terima kasih.

**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”**

  
(DATU WILSON BAYA DANDOT)  
SETIAUSAHA KERAJAAN  
SARAWAK

**SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN TAMBAHAN BAGI SKIM BARU  
PEGAWAI MASJID SARAWAK**

Bil.	Perkara
1.	<p><b><u>Cuti</u></b> Pegawai-Pegawai Masjid layak diberi cuti selama <b>empat belas (14) hari</b> setahun. Pegawai-pegawai adalah tidak layak untuk mengumpul cuti tahunan ke tahun berikutnya dan cuti yang tidak dihabiskan pada tahun tersebut akan dilupuskan.</p>
2.	<p><b><u>Cuti Haji</u></b> Pegawai-Pegawai Masjid yang telah berkhidmat tidak kurang daripada <b>tempoh tiga (3) tahun</b> terus-menerus boleh diberi cuti untuk menunaikan fardhu haji sekali sahaja dan adalah berdasarkan tempoh yang dikira memadai untuk melakukan ibadat haji termasuk perjalanan dari Sarawak ke Tanah Suci dan balik.</p>
3.	<p><b><u>Faedah Perubatan dan Cuti Sakit</u></b> Pegawai-Pegawai Masjid adalah layak untuk mendapatkan faedah-faedah perubatan dari klinik/hospital Kerajaan sepertimana yang diperolehi dan dinikmati oleh orang ramai.</p> <p>Pihak berkuasa melantik adalah layak untuk mempertimbangkan semula pelantikan mana-mana Pegawai-Pegawai Masjid sekiranya cuti sakit telah melebihi 30 hari berturut-turut.</p>
4.	<p><b><u>Wang Ehsan</u></b> Pengurniaan bayaran wang ehsan adalah mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh Kerajaan pada tarikh semasa sekiranya Pegawai Masjid itu meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau kerana menjalankan tugas-tugas rasmi.</p>
5.	<p><b><u>Penjawat Awam</u></b> <b>Penjawat Awam (Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Persekutuan)</b> adalah tidak dibenarkan untuk dilantik sebagai Pegawai Masjid di bawah Skim ini.</p>
6.	<p><b><u>Ketua Masyarakat / Ketua Kaum</u></b> Seseorang <b>Ketua Masyarakat atau Ketua Kaum</b> tidak boleh dilantik sebagai <b>Pegawai Masjid</b> dan begitulah sebaliknya dalam tempoh yang sama.</p>
7.	<p><b><u>Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Setia</u></b> Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Setia setelah mencukupi tempoh perkhidmatan terkumpul (agregat) selama 20 tahun.</p>
8.	<p><b><u>Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja</u></b> Pegawai-Pegawai Masjid <b>TIDAK</b> dikehendaki untuk mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.</p>